

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
YBRS. TUAN NORIZAM BIN SEKAK**

**AUDIT PEMATUHAN BIL.1
SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN(SPOP)
EOMS 21001:2018 OLEH SIRIM QAS INTERNATIONAL
SDN. BHD.**

**07 MEI 2026
BILIK PERSIDANGAN,
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI,

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit

Dunia,

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,

Melaka Sayang Rakyat,

Salam PMMWarriors.

Yang Berusaha Nur Hana Roshida Binti Hairudin

Audit Team Leader

Yang Berusaha Puan Nursheiri Sheirina bt Mohamad Za'ím

Team Auditor

Yang Berusaha Mohammad Hamidi bin Yusop

Pemerhati secara atas talian

Yang Berusaha Puan Faridatuljana Binti Mohd Noor

Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik Merlimau

Yang Berusaha Ts. Zan Aizuwan bin Zainal Abidin

Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) Politeknik Merlimau

Ketua-Ketua Jabatan,

Ketua-Ketua Unit,

Serta semua ahli mesyuarat yang hadir bersama pada pagi ini.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, berkat dan limpah kasih-Nya, Politeknik Merlimau Melaka sekali lagi tanpa gagal menerima kehadiran Panel Juruaudit dari SIRIM QAS International Sdn Bhd bagi memenuhi keperluan bagi mendapat Pensijilan Semula ISO 21001: 2018.
2. Untuk makluman semua, Politeknik Merlimau telah menerima SIJIL EOMS bernombor 00107 bermula 06 Mei 2025 sehingga 05 Mei 2028. □ Kehadiran pihak panel amat kami alu-alukan sebagai satu platform penting untuk menilai keberkesanan sistem pengurusan organisasi pendidikan yang diamalkan di PMM selaras dengan piawaian yang telah ditetapkan.
3. Saya percaya bahawa audit ini bukan sahaja menjadi medium penilaian, malah turut membuka ruang kepada kami untuk terus memperkukuh budaya kerja berkualiti dan

penambahbaikan berterusan dalam penyampaian perkhidmatan pendidikan.

4. Besar harapan kami agar proses audit yang berlangsung pada hari ini dapat dilaksanakan dalam suasana yang harmoni, profesional dan penuh semangat kerjasama. Pihak kami sentiasa bersedia menerima sebarang pandangan, cadangan mahupun teguran penambahbaikan daripada pihak juruaudit demi memastikan Politeknik Merlimau Melaka terus relevan sebagai sebuah institusi pendidikan TVET yang berkualiti dan diyakini.

5. Segala input yang diberikan akan dijadikan panduan penting untuk memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan serta meningkatkan lagi kecemerlangan organisasi sejajar dengan pengiktirafan yang telah diberikan oleh pihak SIRIM.

6. Tanpa melengahkan masa, sukacitanya saya akan membentangkan ***Laporan Perkembangan Semasa dan Pencapaian Politeknik Merlimau Merlimau*** bagi tahun ini.

7. Bagi agenda berikutnya, saya serahkan kembali kepada Saudari Pengacara Majlis.

Sekian, Wabillahitaufiq walhidayah wassalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[TAMAT]